

Tiga atlet judo julang UiTM

» Penyertaan sulung SUKIPT tuai hasil hasil lumayan

Oleh Nurul Amanina Suhaini
bhsukan@bh.com.my

Johor Bahru

Tiga atlet judo membanggakan Universiti Teknologi Mara (UiTM) apabila penyertaan sulung mereka membawa pulang pingat emas pada temasya Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di sini, semalam.

Noor Fazira Mohamed, 21, Fatin Izzati Ahmad Rosdi, 19, dan Puteri Najeeha Abd Aziz, 20, mempersembahkan aksi terbaik pada acara berkenaan selepas menjatuhkan pesaingnya dengan masing-masing mendapat kemenangan selesa 101-0, 110-0 serta 101-1.

Tewas atlet MSU

Noor Fazira menewaskan atlet Universiti Sains Pengurusan (MSU), Siti Nur Syafiqah Husin, manakala Fatin Izzati dan Puteri Najeeha mengalahkan dua wakil UTM, iaitu Liew Wen Jun dan Nurul Ain Atiqah Mohamad Rosli.

Lebih manis lagi, kejayaan tiga atlet itu juga membolehkan



Jagoan UiTM (dari kiri) Noor Fazira, Puteri Najeeha dan Fatin Izzati memperaga pingat emas selepas mengungguli acara masing-masing pada Kejohanan SUKIPT, semalam.

UiTM muncul jagoan dalam sukan itu apabila mendominasi tiga daripada lima pingat emas yang dipertandingkan.

Jurulatih Judo UiTM, Abd Hadi Abd Ghani, memuji kesungguhan anak buahnya yang mempamer-

kan aksi bertenaga walaupun seorang daripadanya mengalami kecederaan kaki.

"Persiapan sepanjang tempoh dua minggu dimanfaatkan sebaiknya oleh mereka yang bukan sahaja pandai membahagikan

masa dalam pelajaran, malah permainan mereka mencapai tahap yang saya inginkan termasuk kecerdasan fizikal, kemahiran menguasai perlawanan dan ketahanan stamina yang tinggi.

"Saya berpuas hati dengan

prestasi cemerlang yang ditonjolkan atlet saya apabila bukan sahaja berjaya melepas sasaran pingat emas yang diharapkan, malah mampu mengalahkan musuh tradisi kami iaitu UTM," katanya ketika ditemui selepas majlis penyampaian hadiah yang disempurnakan oleh Pengarah Pusat Pembangunan Sukan dan Ketua Kontinen Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Roestam Effendi.

Sementara itu, Puteri Najeeha berkata, dia tidak menyangka dapat memperoleh pingat emas kerana sebelum ini pernah tewas kepada atlet sama pada kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) 2013 dan hanya sekadar meraih pingat perak.

Katanya, kejayaan sulung itu memberikan semangat untuk mencapai kejayaan yang sama pada Kejohanan Judo Kebangsaan di Terengganu, Mac ini.

Puteri Najeeha turut menyatakan tempat untuk terpilih mewakili negara di Sukan SEA 2017, sekali gus mengharumkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa.

Sehingga jam 5 petang semalam, UiTM mendahului kumpulan pingat emas apabila meraih 44 pingat emas, 41 perak dan 30 gangsa, jauh meninggalkan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang memperoleh 28 emas, 15 perak dan 15 mangsa.

Universiti Malaya (UM) menduduki tempat ketiga dengan 20 emas dan masing-masing 13 perak serta gangsa.